

MODEL ISTITABAH: CADANGAN KONSEP DAN PELAKSANAANNYA DALAM INTERVENSI PERMASALAHAN RIDDAH KONTEMPORARI DI MALAYSIA

Wan Mohd Fazrul Azdi,¹ Mohd Rumaizuddin Musa,² Azman Abd Rahman,³ Mohd Zaliridzal Zakaria,⁴ Mohammad Fadzil Mat Yaacob.⁵

Abstrak

Al-Istitabah (الستتابة) secara literalnya bermaksud memohon taubat atau menganjurkan taubat. Perbincangan berkenaan al-istiatabah ini dapat dilihat dengan jelas dan kukuh dalam perbincangan disiplin ilmu-ilmu Islam kerana bersandarkan kepada asas yang mantap daripada Al-Quran Al-Karim dan Al-Sunnah Al-Nabawiyah. Permasalahan murtad sebagai satu permasalahan yang sangat besar dalam syariat Islam memerlukan pencerahan terkini berkenaan istitabah. Satu kajian kualitatif sedang dilaksanakan dalam usaha membangunkan model pelaksanaan istitabah yang lebih komprehensif di Malaysia. Artikel ini adalah satu penerokaan awal berdasarkan kajian analisis tekstual kepada lebih kurang 30 kitab teks turath dan kontemporari, yang meliputi pandangan lebih daripada 40 orang ulama dalam isu ini. Dapatkan kajian ini dapat digunakan dalam cadangan model pelaksanaan pemuliharaan murtad melalui pendekatan inter disiplin, intervensi krisis dan kaunseling akidah.

Kata Kunci: istitabah, murtad, pendekatan inter-disiplin, intervensi krisis dan kaunseling akidah

Abstract

Literally *al-Istitabah* means to ask for repentance or the act of doing repentance. The discussion regarding *al-Istitabah* can be seen clearly in the discussion of the various disciplines of Islamic knowledge as it is based upon a strong foundation i.e. the Qur'an and Prophetic traditions. The problem of leaving Islam which is a main issue in Islamic law requires an enlighten and contemporary approach via *istiatabah*. A qualitative study is currently being pursued towards the attempt to construct an operational model which is more comprehensive in Malaysia. This article is a preliminary paper which is based upon a textual study on 30 contemporary and heritage texts which covers the opinion of at least 40 scholars of Islam on the issue of *istiatabah*. The findings of this textual study and analysis will be used in the operational model together with input from other disciplines i.e. crisis intervention procedures and faith based procedures which is normally related to the counselling field.

Keywords: *istiatabah*, *apostasy (murtad)*, *inter-disciplinary*, *crisis intervention*, *faith-based counselling*.

PENGENALAN

Tidak ada dosa yang tidak diampuni Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana besarnya limpah rahmat dan kurnia-Nya,¹ melainkan kerana putus asanya manusia daripada rahmat dan kurnia

¹ Pensyarah Program Pengajian Akidah Dan Agama, Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau boleh dihubungi melalui emel wmfazrul@usim.edu.my.

² Pensyarah Kanan Program Da'wah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau boleh dihubungi melalui emel rumaizuddin@usim.edu.my.

³ Pensyarah Kanan Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau boleh dihubungi melalui azman@usim.edu.my.

⁴ Pensyarah Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau boleh dihubungi melalui zaliridzal@usim.edu.my.

⁵ Pelajar Program Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau boleh dihubungi melalui emel istitabah@yahoo.com.

Allah Subhanahu Wa Ta^cala ini. Antara isyarat kepada putus asa daripada rahmat dan kurnia Allah Subhanahu Wa Ta^cala ini adalah melalui kufur kepada ayat-ayat Allah Subhanahu Wa Ta^cala dan mengingkari Hari Akhirat. Isyarat-isyarat inilah yang juga merupakan antara simptom-simptom utama kepada merebaknya penyakit *riddah* atau pencemaran akidah dalam kalangan Muslim di serata dunia hari ini. Oleh itu, secara tuntas, Allah menjelaskan hal ini menerusi ayat berikut:

Maksudnya: "Dan kamu tidak akan dapat melepaskan diri (dari kekuasaan Allah) di bumi dan tidak juga di langit (sekalipun); dan kamu tidak akan mendapat sebarang pelindung dan penolong yang lain dari Allah. (22) Dan orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan pertemuan dengannya, mereka tetaplah akan menjadi orang-orang yang putus asa dari rahmat-Ku; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya." (23)

Oleh itu, instrumen istitabah sangat sesuai dan ampuh untuk menghadapi cabaran akidah yang dihadapi oleh seluruh umat Islam.² Makalah ini secara ringkas akan menjelaskan konsep *al-istitabah* menerusi perspektif ulama silam dan moden, kemudian dituruti dengan cadangan awal bagi sebuah model yang merangkumi konsep dan pelaksanaannya dalam intervensi permasalahan riddah kontemporari di Malaysia.

KONSEP AL-ISTITABAH DALAM PANDANGAN JUMHUR ULAMA

Al-Istitabah (الاستتابة), yang secara literalnya bermaksud memohon taubat atau menganjurkan taubat, bukanlah sesuatu yang asing dalam perbincangan ulama. Perbincangan berkenaan al-istitabah ini dapat dilihat dengan jelas dan kukuh dalam perbincangan disiplin ilmu-ilmu Islam kerana bersandarkan kepada asas yang mantap daripada Al-Quran Al-Karim dan Al-Sunnah Al-Nabawiyah. Sebagai contoh, perbincangan berkenaan al-istitabah ini boleh didapati dalam perbahasan mengenai masalah riddah dan sebelum pelaksanaan hukum had ke atas orang-orang murtad.³ Malah, perkara ini turut juga dibincangkan dalam permasalahan bacaan al-Quran daripada riwayat yang *syadh* (الشاذة), di mana pelakunya perlu menjalani al-istitabah.⁴ Oleh itu, makalah ini akan menyingkap perbahasan untuk isu istitabah ini daripada gabungan pelbagai perspektif dalam pengajian Islam iaitu akidah atau usul al-din, fiqh,

¹ Dalam Surah Al-A^craf 7: Ayat 156 disebutkan:

Maksudnya: "Dan tetapkanlah untuk kami (Nabi Musa Alayhi Al-Salam dan kaumnya) kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadamu". Allah berfirman: "Azab-Ku akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki, dan rahmat-Ku meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertakwa, dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami."

² Menurut pembentangan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dalam sidang Parlimen pada 14 Jun 2011, Mahkamah Syariah telah menerima 863 permohonan menukar agama daripada tahun 2000 - 2010 dan 135 orang telah diluluskan permohonan mereka. Lihat: n.a. 2011. "Kami yakin lebih ramai murtad." *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/167039> (diakses pada 31 Disember 2011).

³ Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris. 2001. *Al-Umm*. (Semakan: Rif'at Fawzi Abd Al-Mutallib). Jilid. 7. Hal. 399-400; Al-Maqdisi, Ibn Qudamah. 1997. *Al-Mughni*. Riyad: Dar 'Alam Al-Kutub. Jilid. 12. Hal. 264-271; Al-Abbad, Abdullah. 1995. *Sharh Bidayah Al-Mujtahid Wa Nihayah Al-Muqtasid*. Mesir: Dar Al-Salam. Jilid. 4. Hal. 2289-2290; Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. T.th. *Kitab Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab Li Al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah Al-Irshad. Jilid. 21. Hal. 62-71; Al-Jaziri, Abd Al-Rahman. 2003. *Kitab Al-Fiqh 'Ala al-Madhab Al-Arba'ah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Jilid. 5. Hal. 373-374; Al-Zuhayli, Wahbah. 1985. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar Al-Fikr. Jilid. 6. Hal. 186-188.

⁴ Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. 1996. *Al-Tibyan FiAdab Hamalah Al-Qur'an*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hal. 96.

tasawwuf, ulum al-Quran, ulum al-Hadith, sirah nabawiyyah dan tarikh Islam. Sebanyak lebih kurang 30 kitab yang telah dirujuk dan meliputi pandangan lebih daripada 40 orang ulama dalam menekuni isu ini.

Secara teknikalnya, al-istitabah adalah satu prosedur rasmi yang digunakan sebelum seseorang itu akan dijatuhkan hukum had riddah. Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa menggalakkan hamba-hamba-Nya untuk sentiasa bertaubat apabila telah melakukan kesilapan, sama ada secara sedar, mahu pun tidak. Rasulullah Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam turut menganjurkan hal ini dan baginda Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam juga sentiasa beristighfar dan bertaubat, meskipun baginda secara realitinya maksum dan dipelihara daripada kesalahan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.¹ Bertitik tolak daripada hal ini, semua ulama telah sepakat atas kewajipan taubat bagi seseorang hamba daripada dosa, sama ada yang besar mahu pun yang kecil.

Dalam horaian daripada sudut bahasa, Ibn Manzur (630-711H) menyebut bahawa maksud taubat:

الْتَّوْبَةُ: الرَّجُوعُ مِنَ الذَّنْبِ. وَفِي الْحَدِيثِ: النَّدْمُ تُوبَةٌ. وَالْتَّوْبُ مِثْلُهُ. وَقَالَ الْأَخْفَشُ: التَّوْبُ جَمْعُ تُوبَةٍ مِثْلُ عَزْمِ عَزْمٍ. وَتَابَ إِلَى اللَّهِ يَتُوبُ تُوبًا وَتُوبَةً وَمُتَبَايِّنًا: "أَنَابَ وَرَجَعَ عَنِ الْمُعْصِيَةِ إِلَى الطَّاعَةِ، فَأَمَّا قَوْلُهُ: "تَبَّتْ إِلَيْكُ، فَتَقْبِلْ تَائِبِي، وَصُمُّتْ رَبِّي، فَتَقْبِلْ صَامِتِي". إِنَّمَا أَرَادَ تَوْبَةَ وَصُومَتِي فَأَبْدَلَ الْوَأْوَالَ لِضَرِبٍ مِنَ الْخَيْرِ... وَقَالَ أَبُو مُنْصُورٍ: أَصْلُ تَابَ عَادَ إِلَى اللَّهِ وَرَجَعَ وَأَنَابَ. وَتَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ أَيْ عَادٌ عَلَيْهِ بِالْمَغْفِرَةِ. وَقَوْلُهُ تَعَالَى: ﴿وَتَوَبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا﴾، أَيْ عَوْدُوا إِلَى طَاعَتِهِ وَأَنْبَيَا إِلَيْهِ. وَاللَّهُ التَّوَابُ: يَتُوبُ عَلَى عَبْدِهِ بِفَضْلِهِ إِذَا تَابَ إِلَيْهِ مِنْ ذَنْبِهِ. وَاسْتَبَتْ فَلَانًا: عَرَضَتْ عَلَيْهِ التَّوْبَةُ مَا اقْتَرَفَ أَيْ الرَّجُوعُ وَالنَّدْمُ عَلَى مَا فَرَطَ مِنْهُ. وَاسْتَتابَهُ سَأْلَهُ أَنْ يَتُوبَ. وَفِي كِتَابِ سَيِّدِهِ: وَالْتَّوْبَةُ عَلَى تَفْعِيلَةٍ مِنْ ذَلِكِ.²

Malah Imam Ibn Hajar Al-'Asqalani (773-852H) dalam pendefinisan dan memberikan konsep taubat, digambarkannya dalam ungkapan ini: التَّوْبَةُ هِي النَّدْمُ عَلَى الذَّنْبِ مَعَ الإِلَاعَةِ عَنِهِ

¹ Terdapat hadis saih yang meriwayatkan bahawa baginda Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam beristighfar sehingga 70 kali atau 100 kali sehari semalam. Misalnya, dalam hadith saih riwayat Al-Bukhari, Al-Tirmidhi, Al-Nasa'i dan Ahmad Ibn Hanbal Rahimahum Allahu Ta'ala:
Maksudnya: Daripada Abu Hurayrah Radiya Allahu 'Anhu, Sabda Rasulullah Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam: Sesungguhnya aku beristighfar (memohon keampunan) daripada Allah dan bertaubat kepada-Nya dalam sehari lebih daripada 70 kali.

Dalam hadis yang lain, disebutkan pula:
Maksudnya: Daripada Abu Hurayrah Radiya Allahu 'Anhu, Sabda Rasulullah Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam: Sesungguhnya aku beristighfar (memohon keampunan) daripada Allah dan bertaubat kepada-Nya dalam sehari sebanyak 100 kali.

Lihat: Al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il. 1407H. *Sahih Al-Bukhari*. Semakan: Dr. Mustafa Dib al-Bugha. Beirut: Dar Ibn Kathir. Hadith no. 5948. Jilid. 5. Hal. 2324; Al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa. n.d. *Al-Jami' Al-Sahih Wa Huwa Sunan Al-Tirmidhi*, Semakan: Ahmad Muhammad Shakir. Beirut: Al-Maktabah Al-Thaqafiyah. Hadith no. 3259. Jilid. 5. Hal. 383; Al-Nasa'i. Ahmad Ibn Shu'ayb. 1991. *Sunan Al-Nasa'i Al-Kubra*. Semakan: Abd Al-Ghaffar Sulayman Al-Bandari dan Sayyid Kusrawi Hasan. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Hadith no. 10267 & 10268. Jilid. 6. Hal. 114; Ahmad Ibn Hanbal. 1999. *Musnad Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Semakan: Shu'ayb Al-Arna'u'u dan lain-lain. Beirut: Muassasah Al-Risalah. Hadith no. 8493 & 9807. Jilid. 14 & 14. Hal. 191 & 501.

² Ibn Manzur. 1300 H. *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir. Jilid. 1. Hal. 232.

¹ العزم على عدم العود إليه Yakni: taubat ialah penyesalan ke atas dosa yang dilakukan berserta menghentikannya serta-merta dan keazaman yang kuat untuk tidak kembali melakukannya. التوبة هي الرجوع إلى الله بحـل عـقدة الإصرار عن الإلـم Yakni: Taubat ialah kembali kepada Allah dengan mengikat hati secara berterusan (dengan Tuhan), kemudiannya mengerjakan kesemua hak-hak Tuhan. Dan dikatakan taubat ialah pengiktirafan, penyesalan dan penghentian (dosa). Imam Al-Raghib (wafat 502H) pula mendefinisikan taubat sebagai: ترك الذنب لقبـه والتـدم على ما فـرط مـنه والعـزيمة على تـرك المـعاوـدة، وـتـدارـك ما أـمـكـنه أـن يـتـدارـك مـن الأـعـمال بـالـإـعادـة.³ Maksudnya: Meninggalkan dosa kerana kejelikannya dan penyesalan kerana apa yang dilalaikan serta keazaman untuk meninggalkan apa yang kebiasaan dilakukan. Kemudian membetulkan apa yang dalam kemampuannya untuk menggantikan apa yang sepatutnya daripada amalan-amalan.

Keterkaitan dan keterikatan yang sangat kuat antara agama Islam dengan konsep taubat ini dapat dihayati daripada huraian Imam Ibn Qayyim Al-Jawziyyah seperti berikut:

Maksudnya: taubat sebenarnya adalah realiti agama Islam, dan agama secara umumnya termasuk dalam ungkapan taubat yang oleh itu layaklah seorang yang bertaubat itu menjadi kekasih Allah. Sesungguhnya Allah menyukai seseorang melakukan apa yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Jadi, taubat adalah kembali daripada apa yang Allah tidak suka secara zahir dan batin kepada apa yang disukai-Nya secara zahir dan batin. Ini termasuklah apa yang diungkapkan sebagai Islam, Iman dan Ihsan. Dan perkara ini meliputi semua maqam. Oleh itu, taubat adalah objektif setiap orang yang beriman, pada peringkat mula atau pun pada peringkat akhirnya, taubat adalah objektif kepada penciptaan makhluk. Perintah dan tauhid hanyalah sebahagian daripada taubat, bahkan ia (perintah atau tauhid) hanyalah sebahagian daripada taubat yang merupakan entiti yang terbesar⁴.

Dalam hal ini, *al-istiatabah* dapat difahami sebagai anjuran kepada seseorang yang didapati telah melakukan kesilapan dalam perkara syarak untuk bertaubat. Anjuran untuk bertaubat ini bukan sahaja untuk mengembalikan seseorang itu ke dalam amalan Islam yang asas dan benar, tetapi untuk memohon keampunan atas keterlanjuran yang mungkin berlaku kerana kejahanan, desakan luaran atau dalaman, mahupun sebab-sebab yang lain.

¹ Al-Asqalani, Ibn Hajar. 2000. *Fath Al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*. Riyadh: Dar Al-Salam. Jilid. 12. Hal. 334. Ini jugalah yang disebutkan oleh Imam Al-Qushayri (376-475H) sebagai syarat atau rukun taubat yang sah seperti disepakati oleh majoriti ulama Ahlu Al-Sunnah Wa Al-Jamaah:

Maksudnya: Syarat taubat sehingga jadi sah satu-satu taubat ialah tiga perkara: penyesalan atas kesalahan yang dilakukan, meninggalkan kesalahan dalam semua keadaan, dan keazaman untuk tidak kembali melakukan semula kesalahan yang dahulu. Inilah rukun-rukun yang wajib disertakan untuk sah taubatnya. Lihat: Al-Qushayri, Abd Al-Karim. 2003. *Al-Risalah Al-Qushayriyah*. Kaherah: Dar Al-Salah. Hal. 55.

² Al-Jurjani, Al-Sharif. 1985. *Kitab Al-Ta'rifat*. Beirut: Maktabah Lubnan. Hal. 74.

³ Salih Ibn Abdullah Ibn Humayd, Abd Al-Rahman Ibn Abd Al-Rahman Malluh et. al. 1998. *Mawsu'ah Nadrah Al-Na'im Fi Makarim Akhlaq Al-Rasul Al-Karim Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam*. Jeddah: Dar Al-Wasilah. Jilid. 4. Hal. 1269.

⁴ Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. 2001. *Madarij Al-Salikin*. Kaherah: Muassasah Al-Mukhtar. Jilid. 1. Hal. 258-259.

Oleh itu, dalam perkara riddah, anjuran untuk bertaubat ini adalah sangat-sangat ditekankan, meskipun terdapat khilaf antara ulama besar Mazhab Ahlu Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah dalam perkara ini, sama ada wajib (واجب) atau digalakkan (مستحب). Ibn Al-Munzir (wafat 318H) Rahimahu Allahu Ta'ala menyatakan perkara ini dalam ungkapannya:

Maksudnya: Telah sepakat ahli ilmu bahawa seorang hamba itu apabila telah murtad maka hendaklah diminta bertaubat. Maka sekiranya tidak bertaubat maka akan dihukum dengan had riddah iaitu dibunuhan dan aku (Ibn Al-Munzir) tidak mengetahui ada khilaf dalam perkara ini¹.

Dalam perkara ini, penegasan yang sama turut dibuat oleh Imam Al-Nawawi (631-676H) Rahimahu Allahu Ta'ala iaitu:

Maksudnya: (Permasalahan) Seorang murtad dianjurkan bertaubat sebelum dihukum bunuh. Berkata Hasan Al-Basri: tidak diminta bertaubat (sekiranya Muslim baka), tetapi muallaf yang murtad perlu diminta bertaubat.


Dalil kami adalah aثار daripada Saidina Umar: "Mengapa engkau tidak penjarakan di rumahnya sahaja selama tiga hari, kemudian engkau beri makan roti setiap harinya dan engkau anjurkan agar bertaubat, barangkali ia (akan) bertaubat dan kembali kepada agama Allah?" "Ya Allah sungguh aku tidak setuju tindakan ini dan aku tidak redha kerana ia menyampaikan hal ini kepadaku." Apabila perkara ini telah sabit, maka adakah istitabah itu digalakkan atau wajib? Pada persoalan ini ada dua pendapat, berkata Shaykh Abu Hamid, dikatakan padanya ada dua wajah. (Salah satunya) Adalah istitabah itu digalakkan, inilah pendapat Abu Hanifah, mengikut sabda Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam (Siapa yang menukar agamanya, maka kamu semua hukum dia dengan hukuman bunuh) yang mewajibkan hukuman bunuh dan bukan mewajibkan istitabah. Sekiranya seorang murtad dihukum bunuh sebelum istitabah maka tidak diwajibkan si penghukum untuk menanggung istitabahnya. Untuk ini Saidina Umar tidak mewajibkan tanggungan ke atas mereka yang membunuhan orang murtad sebelum istitabah, maksudnya tidaklah berdosa sekiranya dihukum bunuh seorang yang murtad sebelum istitabah.

(Yang kedua) Istitabah itu diwajibkan berdasarkan firman Allah (Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekuarannya), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu) Maka Allah memerintahkan agar diberitahu orang-orang kafir untuk berhenti daripada membuat kekuaran dengan tidak membezakan sama ada mereka orang kafir secara asal atau pun mereka yang murtad. Mereka mengatakan bahawa istitabah disyariatkan untuk kepada mereka yang keluar daripada Islam secara ikutan. Adapun siapa yang keluar daripada Islam secara sedar tidaklah diminta bertaubat².


Oleh itu, disertakan di sini ringkasan hukum al-istitabah menurut pandangan ulama muktabar berdasarkan jadual yang telah dibuat oleh Dr. Akram Ridha Musa, akademik Dar Al-Ulum yang juga anak murid kepada Shaykh Prof Dr. Muhammad Baltaji, yang diambil daripada kitab-kitab fiqh mazhab Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah.

¹ Ibn Al-Munzir. 1999. *Al-Ijma'*. Emiriyyah Arab Bersatu: Maktabah Al-Furqan & Maktabah Makkah Al-Thaqafiyyah. Hal. 174.

² Al-Nawawi, *Kitab Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab Li Al-Shirazi*. Jilid. 21. Hal. 65-66

Rajah 1: Hukum Al-Istitabah Menurut Para Ulama¹

Malah turut diperdebatkan dalam kalangan ulama-ulama besar ialah tempoh untuk istitabah ini berlangsung. Keluwesan dalam hal ini perlu dimanfaatkan secara baik dalam konteks Malaysia yang masih menambah baik pelaksanaan hukum Islam serta tidak melaksanakan had riddah sebagai peruntukan undang-undang rasminya. Dalam ungkapan Dr. Al-Samira'i, seorang pengkaji masalah murtad daripada Universiti Islam Muhammad Ibn Sa'ud: "...Al-Istitabah adalah antara perkara yang diperselisihkan oleh para fuqaha', dalam menentukan bilangan dan tempoh waktunya, akan tetapi ini menjelaskan bahawa terdapat kepentingannya di sini...apabila ditambahkan waktu istitabah, dan disingkapkan syubhab (keraguan akidah), maka yang jelas ialah taubat si pelaku, dan perkara ini memerlukan tambahan waktu istitabah yang mencukupi, lebih baik perkara ini diserahkan kepada ulul amri untuk menentukan tempoh istitabah yang lebih daripada tiga hari berdasarkan athar-athar yang didapati (dalam kitab-kitab fiqh)."

Rajah 2: Tempoh Al-Istitabah Menurut Para Ulama²

¹ Akram Rida Musa. 2006. *Al-Riddah Wa Al-Hurriyyah Al-Diniyyah*. Al-Mansurah: Dar Al-Wafa'. Hal. 161.

² Al-Samira'i, Nu'man Abd Al-Razzaq. 1984. *Ahkam Al-Murtadd Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah: Dirasah Muqaranah*. Riyadh: Dar Al-Ulum. Hal. 172. Dalam *Al-Riddah Wa Al-Hurriyyah Al-Diniyyah*, Hal. 156-161.

Hal yang sama juga, iaitu khilaf dalam kalangan ulama, turut boleh didapati dalam isu penerimaan taubat murtad. Namun begitu, kesimpulan penting yang boleh diambil daripada huraian-huraian ulama muktabar dalam mazhab Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah dapat dilihat melalui kenyataan ringkas daripada Professor Dr Abdullah Ahmad Qadiri dari Universiti Islam Madinah ini, iaitu:

Maksud: Dan gambaran taubat murtad adalah si pelaku perlu masuk semula ke dalam Islam, maka mengucapkan 'aku bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.' Sekiranya riddahnya disebabkan oleh keingkaran kepada perkara wajib dalam agama, menghalalkan yang haram, mengingkari nabi (atau perintah baginda), atau mengingkari Kitab (Al-Quran Al-Karim), maka sewajibnya si pelaku menetapkan kembali apa yang diingkarinya dahulu, dan sesetengah ulama berpendapat wajib ke atas pelaku mengucapkan dua kalimah syahadah dan berlepas diri daripada agama (selain Islam) yang dia berpindah dahulu¹.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Dr. Ali Daud dari Universiti Al-Azhar, pelaksanaan istitabah juga boleh memberikan peluang yang besar kepada seseorang pelaku kesalahan riddah untuk diterima kembali ke dalam masyarakat Islam, tanpa perlu diambil sebarang tindakan hukuman syariah ke atasnya. Ini bukan sahaja mengelakkan kesan negatif daripada aspek moral ditimpa ke atas pesalah, malah mengelakkan daripada kesan negatif keagamaan, kekeluargaan, harta, psikologi dan lain-lain lagi.²

CADANGAN MODEL ISTITABAH

Meskipun tidak terdapat kenyataan secara lengkap atau eksplisit berkenaan model istitabah dalam *thaqafah* atau *turath* kesarjanaan Islam, akan tetapi hal ini dapat dipetik atau dideduksikan secara *ijtihadi* daripada kekayaan kesarjanaan Islam dalam pelbagai disiplin ilmu. Walhasil, pendekatan yang akan dicadangkan dalam model istitabah ini adalah bersifat interdisiplin dan mempunyai gabungan dengan bidang ilmu sains sosial kontemporari seperti psikologi, sosiologi, antropologi dan kaunseling. Kepentingan sebuah model yang dibina dengan pendekatan interdisiplin adalah untuk memastikan bahawa model ini nanti akan dapat diadaptasi secara sempurna dengan keperluan pelatih (*al-mustatab*) daripada aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Melalui penelitian terhadap kitab-kitab yang telah disebutkan sebelum ini, didapati terdapat bukti bahawa terdapat pengisian yang telah digunakan oleh para salaf al-salih dalam menangani masalah konversi agama ini. Ketika zaman Rasulullah Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam, kita boleh melihat dengan jelas pendekatan Baginda adalah untuk memastikan bahawa pengikut-pengikut dapat kekal dalam Islam. Baginda Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam akan berhikmah apabila berhadapan dengan isu yang menyentuh perkara *usul al-din* (asas-asas agama) untuk menjaga kekuatan akidah para sahabat Radya Allahu 'Anhum. Oleh itu, tidak hairanlah jika didapati Rasulullah Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam pernah menegur Abu Hurayrah Radya Allahu 'Anhu dalam sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Qudamah Al-Maqdisi (541-629H) berkenaan peristiwa seorang wanita yang memohon fatwa sama ada taubatnya diterima Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana telah berzina sehingga

¹ Abdullah Ahmad Qadiri. 1985. *Al-Riddah 'An Al-Islam Wa Khatruha 'Ala Al-'Alam Al-Islami*. Madinah: Maktabah Tayyibah. Hal. 103.

² Ali Daud Muhammad Jaffal. 1989. *Al-Taubah Wa Atharuha Fi Isqat Al-Hudud Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Beirut: Dar Al-Nahdah Al-Arabiyya. Hal. 145-162.

melahirkan anak. Abu Hurayrah Radiya Allahu ‘Anhu yang terlalu berkeras dan menafikan taubat wanita yang sudah menyesal itu telah mendapat kemarahan Rasulullah Salla Allahu ‘Alayhi Wa Sallam.¹

Jika diteliti, para sahabat Radiya Allahu ‘Anhum seperti Saidina Abu Bakar, Umar dan Ali juga sangat berhati-hati dalam mengendalikan perkara sebegini dan mengambil masa dan mencadangkan pendekatan istitabah sebelum melaksanakan had. Ini adalah bukti bahawa terdapat pengisian yang telah diguna pakai ketika zaman mereka untuk memujuk dan membimbing para murtad ini agar kembali kepada Islam. Sebagai contoh, Saidina Abu Bakar tidak terus melancarkan perperangan kepada para murtad, malah bertemu dengan mereka berkali-kali dengan dialog dan debat.² Saidina Umar pula dalam atsar yang disebutkan oleh Imam Al-Nawawi Rahimahu Allahu Ta‘ala di atas sudah menjadi bukti yang kuat adanya pengisian istitabah.³ Dalam nukilan Imam Ibn Hajar Al-Asqalani Rahimahu Allahu Ta‘ala berkenaan tindakan Ali Radiya Allahu ‘Anhu ketika mula-mula dihadapkan permasalahan ini, beliau telah pun menasihati, berdialog dan berdebat pula dengan mereka serta mengambil masa yang lama dengan harapan bertaubatlah para ekstremis *al-saba'iyyah* yang telah mempertuhankan beliau Radiya Allahu ‘Anhu.⁴

Terdapat tiga ciri utama yang menjadi konsep model istitabah ini iaitu:

1. *Al-Ta'lif qabla al-ta'rif*
2. *I'tibari* bukan *talaqqi*
3. Intervensi krisis atau kaunseling akidah

Oleh itu, fokus utama dalam model istitabah adalah memastikan taubat para pelatih dapat direalisasikan terlebih dahulu seperti yang selalu disebutkan oleh para pendakwah, salaf dan khalfah iaitu: *al-ta'lif qabla al-ta'rif*, yakni: dilunakkan hati dahulu kemudian baru diajarkan. Seperti mana yang telah ditemui dalam kajian Dr. Farahwahida dan Dr Azman Abd Rahman, permasalahan konversi agama atau murtad di Malaysia adalah diakibatkan oleh pelbagai faktor luaran dan dalaman seperti yang telah diringkaskan dalam Jadual 4 di akhir artikel ini.⁵ Kepelbagaiannya faktor ini bukan sahaja menunjukkan bahawa terdapat banyak subjek yang perlu ditangani dan disentuh dalam model istitabah ini, malah turut mengisyaratkan bahawa tugas pengajaran model istitabah ini adalah satu tugas yang sangat rumit kerana terlalu banyak aspek seperti: pandangan alam (*worldview*), nilai, pengetahuan, pengalaman dan lain-lain yang dimiliki oleh pelatih perlu diselaraskan terlebih dahulu sebelum dapat menerima model istitabah ini.

Model istitabah juga hendaklah yang bersifat *i'tibari* (mengambil ibrah) dan bukannya *talaqqi* kepada para pelatih. Ini dihuraikan oleh Sheikh Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi dalam *Malamih Al-Mujtama' Al-Muslim Alladhi Nanshuduhu*:

¹ Ibn Qudamah Al-Maqdisi. t.th. “Abu Hurayrah Radiya Allahu ‘Anhu ‘An Fatwahu Fi Imra’ah Zaniyah.” *Kitab Al-Tawwabin*. (software). Omelketab.net. Dalam kitab ini juga, terdapat kisah seorang sahabat bernama Tulayyah Ibn Khuwaylid yang pernah murtad pada zaman Saidina Abu Bakar Radiya Allahu ‘Anhu, tetapi kemudiannya bertaubat pada zaman Saidina Umar Radiya Allahu ‘Anhu. Lihat: Ibnu Qudamah Al-Maqdisy. 2011. *Dahsyatnya Taubat Nasuha*. Selangor: PTS Islamika. Hal. 162-163.

² Al-Suyuti, Jalal Al-Din. 2003. *Tarikh Al-Khulafa'*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hal. 61-63.

³ Rujuk nota kaki 14 di atas.

⁴ Al-Asqalani, Ibn Hajar. *Fath Al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*. Jilid. 12. Hal. 338.

⁵ Farahwahida Mohd Yusof et. al. 2006. *Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* (Kajian Universiti). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Hal. 71-93 dan Azman Ab Rahman et. al. 2007. *Punca-Punca Murtad: Kajian Di Malaysia*. (Unpublished Research) Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia. Hal. 53-71.

Tujuan tindakan ini (istitabah) ialah untuk memberi kesempatan kepadanya supaya memeriksa dirinya dengan harapan akan hilang segala keraguan terhadap Islam dan memperolehi alasan kuat untuk menghukumnya. Itu pun jika ia memang berniat ikhlas untuk mencari kebenaran hakiki. Tetapi jika melakukannya kerana hawa nafsu atau dipergunakan oleh orang lain nescaya Allah akan memalingkannya sebagaimana ia berpaling.¹

I^tibari yang dimaksudkan di sini adalah untuk memastikan bahawa segala teladan dan hikmah yang terdapat dalam silibus setiap pertemuan antara pelatih dan penyampai model dapat difahami dan diserap oleh pelatih. Untuk itu, semua penyampaian perlulah diakhiri dengan rasionalisasi melalui pelbagai kaedahnya seperti memberi contoh, huraian, ilustrasi, analogi dan lain-lain lagi. Melalui cara ini diharapkan pelatih dapat mengikis kekeliruan, sedikit demi sedikit, terutamanya dalam persoalan yang *ma'qul* dalam akidah atau yang boleh ditanggapi melalui pemikiran.

Antara contoh yang dapat diberikan di sini adalah seperti buku-buku *usul al-din*, moden mahupun *turath*, yang mempunyai pentafsiran dan penghuraian bagi isi kandungannya melalui gaya rasional. Antaranya seperti karya Almarhum Sayyid Abu Al-A'la Al-Mawdudi: *Towards Understanding Islam*, karya Sheikh Ali Al-Tantawi: *Ta'rif 'Am Bi Din Al-Islam*, karya Dr. Mustafa Mahmud: *Riħlati Min Al-Shakk Ila Al-Iman*, Mawlana Wahiduddin Khan: *Islam Rediscovered: Discovering Islam From Its Original Sources*, karya Imam Al-Ghazzali *Fada'iħ Al-Batinīyyah*, karya Ibn Taimiyyah: *Al-Sarim Al-Maslul 'Ala Shatim Al-Rasul* dan banyak lagi.

Seterusnya, ciri ketiga yang didukung oleh model istitabah ini adalah pendekatan intervensi krisis atau kaunseling akidah. Seperti yang telah dilihat dalam perenggan di atas, terdapat faktor penyebab kepada kemurtadan adalah krisis dalam kehidupan yang melanda seseorang seperti kemiskinan, perceraian, perkahwinan atau kematian. Untuk menangani krisis ini, memerlukan teknik dan pendekatan khas yang dipanggil pendekatan intervensi krisis (*crisis intervention*). Pendekatan IK (intervensi krisis) ini berupaya membawa individu yang menghadapi krisis dalam kehidupan untuk: i) mengubah persepsi mereka terhadap krisis yang dihadapi dan ii) merangka dan menetapkan matlamat yang betul dan cuba menyelesaikan krisis dengan bantuan berkala oleh kaunselor.

Dalam masa yang sama, bagi bentuk permasalahan bukan krisis pula, teknik atau pendekatan yang dicadangkan adalah kaunseling akidah. Di sinilah kaunselor boleh juga dikategorikan sebagai tempat rujukan bagi memandu seseorang keluar daripada masalah seseorang klien itu berasaskan kepakaran beliau dalam kaunseling. Dalam masa yang sama, kaunselor juga perlulah terlebih dahulu mendapat pendedahan ilmu dan pengalaman dalam bidang pengajian Islam untuk memastikan kelancaran perkembangan model istitabah ini..

Ringkasnya, matlamat kaunseling ialah membantu atau memberi jalan agar *al-mustatab* dapat mengurus dirinya sendiri sama ada dari segi mental, perasaan, kerohanian dan tingkah

¹ Al-Qardhawi, Yusuf. 2000. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Bangi: Penerbitan Seribu Dinar. Hal. 55. Hal yang sama juga dijelaskan oleh Dr. Abdullah, katanya:

Maksudnya: Sebilangan ulama berpendapat bahawa istitabah adalah wajib dan tidak dibunuh orang yang murtad melainkan setelah dianjurkan bertaubat dahulu. Mereka menyatakan sebabnya adalah kerana ada kemungkinan orang menjadi murtad akibat satu-satu syubhabah. Terdapat kemungkinan, syubhabahnya boleh hilang sekiranya dilanjutkan tempoh istitabahnya, membuat penilaian semula ke atas dirinya dan ke atas pandangannya yang mengelirukan itu serta bertanya kepada pakar.

Lihat: Abdullah Ahmad Qadiri. *Al-Riddah 'An Al-Islam Wa Khatruha 'Ala Al-'Alam Al-Islami*. Hal. 101.

lakunya. Dia sudah dapat menerima hakikat bahawa hidup tidak lekang dengan masalah. Klien ini sudah tidak akan menyalahkan orang lain, persekitaran ataupun takdir. Klien redha dengan apa yang berlaku ke atas dirinya dan mencari iktibar ataupun pengajaran di sebalik peristiwa tersebut. Masalah yang telah melandanya tidak merugikan hidupnya. Malah, dia bersyukur bahawa dia berhadapan dengan masalah kerana dia memperolehi kekuatan berhadapan dengan masalah, kerana dia memperolehi kekuatan dalaman. Dengan kata lain, masalah telah dapat ‘menguatkan’ dirinya.¹

Rajah 3: Peranan Kaunselor Akidah²




Model cadangan istitabah ini mempunyai dua bahagian yang berbeza iaitu yang pertama model untuk Murtad Intra Agamadan yang kedua pula ialahmodel untuk Murtad Inter Agama.Silibus untuk bahagian yang pertama memfokuskan kepada isu usul dalam agama dengan keperluan yang minimum untuk melakukan contoh daripada perspektif lintas agama atau perbandingan agama seperti ketuhanan, kenabian, alam ghaib, imamah dan lain-lain. Berbanding dengan yang pertama, bahagian yang kedua pula akan memfokuskan kepada isu usul dalam agama dengan keperluan yang tinggi untuk melakukan contoh daripada perspektif lintas agama atau perbandingan agama seperti konversi kepada Kristian, Hindu atau agama-agama lain.

¹ Ibid. Hal. 24.

² Jadual ini diubahsuai daripada jadual asalnya. Lihat: Mizan Adiliah, Wan Mohd Fazrul Azdi & Hanit Osman. 2011. *Kaunseling Dalam Islam: Edisi Kedua*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Hal. 88

Rajah 4: Model Cadangan Istitabah



Setiap bahagian ini pula masing-masingnya mempunyai tiga peringkat berdasarkan kepada objektif setiap peringkat ini iaitu: peringkat taubat, peringkat pengukuhan dan peringkat lanjutan. Bagi peringkat yang pertama, seperti yang ditonjolkan pada namanya, penekanan yang utama adalah diberikan kepada taubatnya klien terlebih dahulu. Setelah mencapai objektif taubat ini, barulah klien atau pelatih akan melangkah ke peringkat seterusnya iaitu peringkat pengukuhan. Peringkat pengukuhan ini pula akan lebih kepada menambah pengetahuan dan kefahaman kepada kekeliruan yang dialami oleh klien sebelum ini. Kaunselor dalam hal ini, perlu menyiasat asas dan penyebab kepada kekeliruan klien dan mencadangkan pendekatan-pendekatan bersifat pengukuhan akidah kepada klien. Akhir sekali, selepas peringkat pengukuhan telah ditamatkan, peringkat lanjutan akan diberikan kepada klien. Peringkat lanjutan akan mempunyai sedikit elemen pengujian untuk memastikan kefahaman akidah klien telah meningkat terutamanya dalam isu kekeliruan yang dialaminya sebelum ini. Peringkat lanjutan juga tidak bersifat terlalu intensif seperti peringkat taubat dan peringkat pengukuhan sebelumnya. Malah, turut dicadangkan juga agar peringkat lanjutan ini dijalankan selepas pelatih atau klien telah dibenarkan keluar daripada pusat pemurnian akidah sebagai satu bentuk pemantauan kepada perkembangan kefahaman akidah pelatih atau klien.

KESIMPULAN

Usaha istitabah ini sebenarnya memerlukan sokongan dan dukungan daripada semua pihak. Penghayatan kepada ajaran Islam, takut kepada azab Allah dan benci untuk melihat kemungkaran adalah antara ciri penting bagi mengelakkan masalah akidah terus

- Ali Al-Khazin. 1317H. *Lubab Al-Ta'wil Fi Ma'ani Al-Tanzil*. T.tp.: Penerbitan Hasan Hilmi Al-Kutubi dan Muhammad Hasan Jamali Al-Halabi.
- Ali Daud Muhammad Jaffal. 1989. *Al-Taubah Wa Atharuha Fi Isqat Al-Hudud Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Beirut: Dar Al-Nahdah Al-Arabiyya.
- Al-Jaziri, Abd Al-Rahman. 2003. *Kitab Al-Fiqh 'Ala al-Madhahib Al-Arba'ah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Jurjani, Al-Sharif. 1985. *Kitab Al-Ta'rifat*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Maghluث, Sami Abdullah Ahmad. 1429H. *Atlas Hurub Al-Riddah Fi 'Ahd Al-Khalifah Al-Rashid Abi Bakr Radiya Allahu 'Anhu*. Riyad: Maktabah Al-'Abikan.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah. 1997. *Al-Mughni*. Riyad: Dar 'Alam Al-Kutub.
- Al-Nasa'i. Ahmad Ibn Shu'ayb. 1991. *Sunan Al-Nasa'i Al-Kubra*. Semakan: Abd Al-Ghaffar Sulayman Al-Bandari dan Sayyid Kusrawi Hasan. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. 1996. *Al-Tibyan Fi Adab Hamalah Al-Qur'an*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. T.th. *Kitab Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab Li Al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah Al-Irshad.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2000. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Bangi: Penerbitan Seribu Dinar.
- Al-Qushayri, Abd Al-Karim. 2003. *Al-Risalah Al-Qushayriyyah*. Kaherah: Dar Al-Salah.
- Al-Samira'i, Nu'man Abd Al-Razzaq. 1984. *Ahkam Al-Murtadd Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah: Dirasah Muqaranah*. Riyad: Dar Al-Ulum.
- Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris. 2001. *Al-Umm*. (Semakan: Rif'at Fawzi Abd Al-Mutallib).
- Al-Suyuti, Jalal Al-Din. 2003. *Tarikh Al-Khulafa'*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Tabari, Muhammad Bin Jarir. 2001. *Tafsir Al-Tabari: Jami' Al-Bayan 'An Ta'wil Ayi Al-Quran*. Semakan: Dr. 'Abdullah Al-Turki. Kaherah: Markaz Al-Buhuth Wa Al-Dirasat Al-'Arabiyyah Wa Al-Islamiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa. n.d. *Al-Jami' Al-Sahih Wa Huwa Sunan Al-Tirmidhi*, Semakan: Ahmad Muhammad Shakir. Beirut: Al-Maktabah Al-Thaqafiyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1985. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Azman Ab Rahman et. al. 2007. *Punca-Punca Murtad: Kajian Di Malaysia*. (Penyelidikan Tidak Dicetak) Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Farahwahida Mohd Yusof et. al. 2006. *Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* (Kajian Universiti). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Nazrin Shah. 2011. "Titah D.Y.M.M Pemangku Sultan Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Sempena Kongres Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia kali Pertama." *Laman Web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)* <http://www.islam.gov.my/titah-dymm-pemangku-sultan-perak-darul-ridzuan-raja-nazrin-shah-sempena-kongres-majlis-agama-islam-1> (Diakses pada 31 Disember 2011)
- Ibn Al-Munzir. 1999. *Al-Ijma'*. Emiriyyah Arab Bersatu: Maktabah Al-Furqan & Maktabah Makkah Al-Thaqafiyah.
- Ibn Kathir. 2000. *Tafsir Al-Quran Al-Adhim*. Giza: Muassasah Qurtubah.
- Ibn Manzur. 1300 H. *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. 2001. *Madarij Al-Salikin*. Kaherah: Muassasah Al-Mukhtar.
- Ibn Qudamah Al-Maqdisi. t.th. "Abu Hurayrah Radiya Allahu 'An Fatwahu Fi Imra'ah Zaniyah." *Kitab Al-Tawwabin*. (software). Omelketab.net.
- Ibnu Qudamah Al-Maqdisy. 2011. *Dahsyatnya Taubat Nasuha*. Selangor: PTS Islamika.

- Mizan Adiliah, Wan Mohd Fazrul Azdi & Hanit Osman. 2011. *Kaunseling Dalam Islam: Edisi Kedua*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- n.a. 2011. "Kami yakin lebih ramai murtad." *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/167039> (diakses pada 31 Disember 2011).
- Salih Ibn Abdullah Ibn Humayd, Abd Al-Rahman Ibn Abd Al-Rahman Malluh et. al. 1998. *Mawsu'ah Nadrah Al-Na'im Fi Makarim Akhlaq Al-Rasul Al-Karim Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam*. Jeddah: Dar Al-Wasilah.